



**KENANGAN...** Iskandar Turkee merakamkan gambar bersama pihak yang terlibat selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Induk Program Sahabat Maritim Bebas Dadah Bersama Komuniti Jepak, semalam.

## UPMKB, Pusat Khidmat DUN Jepak jalin kerjasama erat tahun depan

**BINTULU:** Program Sahabat Maritim Bebas Dadah Bersama Komuniti Jepak bakal menjadi titik permulaan kerjasama erat pihak Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Jepak.

Difahamkan, program yang dijadualkan pada Januari tahun hadapan itu akan melibatkan mahasiswa UPMKB.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jepak, Iskandar Turkee berkata, program advokasi sedemikian adalah pendekatan yang amat diperlukan oleh komuniti nelayan khususnya belia di kawasan kampung Jepak bagi mendapatkan maklumat mengenai bahaya aktiviti jenayah penyeludupan dan penyalahgunaan dadah serta bahan terlarang.

"Program sebegini merupakan langkah proaktif dalam memastikan ahli masyarakat terlibat sama bagi membanteras isu dadah khususnya di DUN Jepak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Induk Program Sahabat Maritim Bebas Dadah Bersama Komuniti Jepak di

sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengarah UPMKB, Prof. Dr Shahrul Razid Sarbini, dan Dekan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains UPMKB, Prof. Madya. Dr. Mohamad Maulana Magiman.

Agensi lain yang turut hadir ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Bintulu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pejabat Zon Maritim Bintulu, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Bintulu serta Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA).

Sementara itu, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, UPMKB, Prof. Madya. Dr. Mohamad Maulana Magiman berkata, program jaringan komuniti itu merupakan elemen yang terkandung dalam kurikulum pembelajaran mahasiswa di kampus ini iaitu Community Resilience Experiential Learning (CARE).

Melalui CARE, ujarnya, mahasiswa akan berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari.